

SEMINAR PEMBENTUKAN DASAR SAINS MATEMATIK NEGARA 2025

WORLD CAFÉ METHOD – PANDUAN DAN MAKLUMAT ASAS

1. Pengenalan World Café

World Café ialah kaedah perbincangan kolaboratif yang menggalakkan pertukaran idea secara santai tetapi terstruktur. Peserta bergerak dari satu meja ke meja lain mengikut pusingan untuk meneroka isu atau tema yang ditetapkan. Hasilnya ialah pemetaan idea yang lebih kaya, inklusif, dan kreatif.

2. Maklumat Sesi

Tarikh	: 25 November 2025
Masa	: 2.30 petang – 4.30 petang (Hari Pertama)
Jumlah Masa Sesi	: 120 minit
Struktur Masa	: Pusingan 1 — 40 minit (2:30 – 3:10 petang) Pusingan 2 — 20 minit (3:10 – 3:30 petang) Pusingan 3 — 20 minit (3:30 – 3:50 petang) Pusingan 4 — 20 minit (3:50 – 4:10 petang) Pusingan 5 — 20 minit (4:10 – 4:30 petang)

3. Kaedah

- 3.1 Setiap peserta perlu **hadir ke sesi Forum Plenari** yang bertemakan Dasar Sains Matematik Negara – Memacu Inovasi, Membina Masa Depan
- 3.2 Setiap peserta seminar perlu memilih **satu (1)** daripada kumpulan berikut:
 - **Kumpulan A:** Pendidikan sains matematik peringkat sekolah dan pra-universiti
 - **Kumpulan B:** Pendidikan dan penyelidikan sains matematik tertiar
 - **Kumpulan C:** Sains matematik menangani cabaran industri dan masyarakat
 - **Kumpulan D:** Pembudayaan sains matematik dalam masyarakat
- 3.3 Terdapat **4 meja** yang setiap satunya mewakili satu tema perbincangan seperti berikut:
 - **Meja 1:** Pendidikan sains matematik peringkat sekolah dan pra-universiti
 - **Meja 2:** Pendidikan dan penyelidikan sains matematik tertiar
 - **Meja 3:** Sains matematik menangani cabaran industri dan masyarakat
 - **Meja 4:** Pembudayaan sains matematik dalam masyarakat

3.4 Setiap meja dikendalikan oleh:

- Fasilitator
- Pencatat
- Pasukan teknikal

bagi membantu kelancaran perbincangan dan dokumentasi

4. Jadual Pergerakan Pusingan

Perbincangan berkumpulan akan berlangsung dalam **lima** pusingan seperti berikut:

	Pusingan Pertama	Pusingan Kedua	Pusingan Ketiga	Pusingan Keempat	Pusingan Kelima
Kumpulan A	Meja 1	Meja 2	Meja 3	Meja 4	Meja 1
Kumpulan B	Meja 2	Meja 3	Meja 4	Meja 1	Meja 2
Kumpulan C	Meja 3	Meja 4	Meja 1	Meja 2	Meja 3
Kumpulan D	Meja 4	Meja 1	Meja 2	Meja 3	Meja 4
Masa	40 minit	20 minit	20 minit	20 minit	20 minit

5. Penerangan Setiap Pusingan

Pusingan 1 – 40 minit

- Sesi perbincangan utama.
- Setiap kumpulan menghasilkan input awal berdasarkan templat yang disediakan.
- Dokumentasi boleh dilakukan secara:
 - Google Document (digital), atau
 - Papan putih / kertas mahjong (manual).

Pusingan 2, 3, 4 – 20 minit setiap pusingan

- Setiap kumpulan akan berpindah ke meja-meja lain mengikut urutan dalam jadual di atas
 - Memberikan cadangan, menambah isi, memperhalusi atau meluaskan perspektif dokumen yang sudah dihasilkan
-

Pusingan 5 – 20 minit

- Setiap kumpulan kembali ke meja asal.
- Semak, selaras dan sempurnakan dokumen yang telah ditambahbaik oleh kumpulan lain.
- Perhalusi aspek berikut:
 - Pertindanan idea
 - Hubungan atau kesinambungan antara tema
 - Kesimpulan dan cadangan konkrit

6. Setelah Tamat Sesi

- Peserta menikmati minum petang dan bersurai
- Semua AJK (fasilitator, pencatat, penyelaras meja) perlu berkumpul semula untuk
 - Sesi Pengumpulan (Harvesting):
 - Masa: 4.30 petang – 5.30 petang
 - Tujuan:
 - Wakil Meja (Rapporteur) membentangkan dapatan utama bagi setiap meja.
 - Moderator akan merumuskan tema-tema besar, pola umum, dan isu lintas-sektoral untuk dibawa ke perbincangan Hari Kedua.